

## Sunnah Khalifah Ali AS diharamkan atas nama ajaran Syiah di Malaysia

**Sunnah Khalifah Ali AS diharamkan atas nama ajaran Syiah di Malaysia pada 5.5. 1996:** Sunnah Khalifah Ali AS yang menjadi kepercayaan dan amalan Syiah mazhab Ja'fari seluruh dunia termasuk Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia telah difatwakan sesat, menyeleweng, haram / kafir oleh JAKIM, enakmen kerajaan-kerajaan negeri dan akta Parlimen pada 1996 atas nama ajarana Syiah, kerana takrif Agama Islam adalah Islam yang berasaskan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Justeru ia menyalahi al-Qur'an, Hadis dan Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) dan 3 (1).

Sunnah Ali AS adalah Sunnah Rasulullah SAW dan hukum al-Qur'an itu sendiri, umpamanya (i) Khalifah Ali AS telah menyapu dua kaki di dalam wudhuk, (ii) Khalifah Ali AS telah mengharuskan sembahyang *jamak* dalam semua keadaan, (iii) Khalifah Ali AS telah mengakui bahawa sembahyang Terawih itu adalah bidaah, ia hanya diciptakan oleh Umar, (iv) Khalifah Ali AS telah mengakui bahawa sembahyang Dhuha adalah bidaah, (v) Khalifah Ali AS telah menyatakan bahawa beliau dan isterinya Fatimah adalah maksum (vi) Khalifah Ali AS telah mengakui bahawa 11 para imam daripada keluarganya juga maksum; 12 para imam Syiah daripada Ahlu l-Bait Rasulullah SAW.

(vii) Khalifah Ali AS telah mengakui bahawa dia telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW untuk menjadi khalifah secara nas selepasnya sama ada (viii) di Ghadir Khum dan di tempat yang lain, (ix) Kemudian 11 imam selepasnya. (x) Khalifah Ali AS juga menegaskan bahawa nikah mut'ah itu adalah halal sehingga hari Kiamat, hanya Umar yang telah mengharamkannya (xi) Khalifah Ali AS telah melakukan *taqiyyah*, dalam keadaan tertentu (xii) Khalifah Ali AS telah menolak 'Aul, (xiii) Khalifah Ali AS telah menuntut Khumus keluarganya, (xiv) Khalifah Ali AS pernah membaca doa terhadap dua berhala Quraisy.

(xvi) Khalifah Ali AS telah menolak ijmak sahabat, (xvii) Khalifah Ali AS telah menolak Qiyas, (xviii) Khalifah Ali AS mengakui bahawa dia dan keluarganya telah bermubahalah (dialog sumpah laknat) bersama Rasulullah SAW menentang Kristian Najran dan tidak ada para sahabat atau para isteri Rasulullah SAW yang dijemput untuk melakukannya melainkan beliau sendiri, Fatimah, Hasan dan Husain AS (xix) Khalifah Ali AS mengatakan dialah yang menghimpun al-Qur'an dengan lengkap dan sempurna selaras dengan keilmuannya (xx) Khalifah Ali AS mengakui bahawa dialah yang memberi cincin kepada peminta sedekah ketika rukuk (xxi) Khalifah Ali AS telah mengakui bahawa dia dan keluarganya adalah Ahlu l-Bait Rasulullah SAW yang telah disucikan (33:33) (xxii) Khalifah Ali AS telah memerangi Aisyah di peperangan Jamal menurut Sunnah Rasulullah s. a.w (xxiii) Khalifah Ali AS telah memerangi Mu'awiyah di Siffin menurut Sunnah Rasulullah SAW

(xxiv) Khalifah Ali AS telah memerangi Khawarij di Nahrawan menurut Sunnah Rasulullah s. a. w . Tiga peperangan itu telah diramalkan oleh Rasulullah SAW dan diberitahu kepada Ali AS bahawa Ali akan memerangi ketiga-tiga peperangan tersebut menurut Sunnah Rasulullah SAW (xxv) Khalifah Ali AS telah mengakui bahawa majoriti para sahabat Nabi SAW telah mati kafir/murtad setelah kewafatan Nabi SAW, kerana mereka telah mengubah hukum Allah dan Sunnah Rasulullah SAW sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah SAW. "Hanya sebilangan yang sedikit sahaja yang terselamat seperti unta yang tersesat" Kemudian mereka bertaubat. Hisab mereka sebenarnya terserah kepada Allah SWT. (xvi) Khalifah Ali AS telah menyatakan bahawa khalifah-khalifah sebelumnya telah melanggar janji-janji mereka dengan Rasulullah SAW dengan mengubah Sunnah-sunnahnya (xxvii) Khalifah Ali AS mengakui bahawa beliau telah diberitahu oleh Rasulullah SAW bahawa umat ini akan belot terhadapnya (xxviii) Khalifah Ali AS telah mengakui bahawa memeranginya adalah seperti memerangi Rasulullah SAW menurut Hadis. (xxix) Khalifah Ali meluruskan tangan ketika sembahyang (xxx) Khalifah Ali AS telah menziarahi makam/ kubur

## Sunnah Khalifah Ali AS diharamkan atas nama ajaran Syiah di Malaysia

Rasulullah SAW untuk mendapat berkat (xxxii) Khalifah Ali AS bertawassul melalui Nabi Muhammad SAW (*bi-haqqi Muhammad*) kepada Allah SWT.

(xxxii) Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mematuhi Sunnah Abu Bakar dan sunnah Umar dengan menolak Sunnah Ali AS /Sunnah Rasulullah SAW dalam beberapa keadaan tertentu.

Sunnah Khalifah Ali AS diharamkan di atas nama ajaran Syiah di Malaysia

(xxxiii) Penguasa Ahli Sunnah Wal-Jama'ah Malaysia melakukan tindakan ke atas Syiah Melayu Islam walau pun Syiah Melayu Islam mengikut Sunnah Ali AS/ Sunnah Rasulullah SAW/Hukum Allah SWT itu sendiri. Justeru kemarahan atau penentangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah/Majlis Fatwa Kebangsaan/Jabatan Agama Islam negeri terhadap ajaran Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah Malaysia adalah kemarahan atau penentangan terhadap Sunnah Ali AS, Sunnah Rasulullah SAW dan hukum Allah SWT itu sendiri atas nama ajaran Syiah di dalam beberapa hal sebagaimana tersebut di atas. Ini bererti pengharaman kepada Sunnah Ali AS adalah pengharaman kepada sebahagian Sunnah Rasulullah SAW itu sendiri. Justeru pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang dijadikan asas Agama Islam dan Hukum Syarak di Malaysia pada 5.5. 1996 umumnya adalah berlawanan dengan Sunnah Khalifah Ali AS yang dipegangi oleh Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah atau Syiah Imam 12 yang diharam atau dikafirkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia pada 5/5/1996 setelah dihalalkan.

Mematuhi Sunnah Abu Bakar dan Umar menjadi akidah Ahli Sunnah Wal-Jama'ah

Al-Suyuti menulis bahawa Umar bin Abd al-Aziz berkata bahawa "Sesungguhnya apa yang telah disunnahkan oleh Rasulullah (*ala inna ma sanna Rasulallah*) dan dua sahabatnya (*wa sahabaa-hu*), maka ia adalah agama (*fa-huwa dinun*) yang kami mengambalnya dan kami berakhir kepadanya. (*na'khudhu bi-hi wa nantahi ilai-hi*) Adapun apa yang disunnahkan oleh selain daripada mereka berdua (Abu Bakar dan Umar), maka kami menanggukannya" (*wa ma sanna siwa-huma nurji'u-hu*) (*Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 160). Justeru pemerintah Bani Umayyah dan Bani Abbas telah membuat keputusan bahawa apa yang disunnahkan oleh Abu Bakar, Umar dan [Uthman] adalah agama mereka (*dinun*). Oleh itu jika Khalifah-khalifah tersebut telah menegah Sunnah Nabi SAW, maka tidak tinggal lagi Sunnah Nabi SAW dan apa yang tinggal adalah sunnah-sunnah mereka dan hukum-hukum mereka (*Ibid*, hlm. 160). Justeru Sunnah Khalifah Ali AS tidak diambil kira oleh mereka. In bererti Sunnah Abu Bakar dan Sunnah Umar diambil kira sebagai agama [Sunni]. Justeru Ali AS dan para pengikutnya menolak Sunnah mereka berdua kerana mempertahankan Sunnah Nabi SAW. Justeru Syiah Imamiyyah Ja'fariyyah Melayu yang diharamkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan negeri adalah kerana mereka menyalahi Sunnah Abu Bakar dan Sunnah Umar. Justeru, di manakah keadilan terhadap Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dapat dilaksanakan di Malaysia? *How is being Syiah a crime?* (sila lihat hlm. 337). Justeru, Ahli Sunnah Wal-Jama'ah Malaysia telah mengeluarkan sunnah Khalifah Ali dari pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Dan mungkin mereka belum menerima Khalifah Ali AS di kalangan *Khulafa' Rasyidin*.

Jika ajaran para imam mazhab empat, Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali dibenarkan di Malaysia, kenapakah sunnah Khalifah Ali AS diharamkan atas nama ajaran Syiah? Tidakkah Khalifah Ali AS melebihi mereka berempat dari semua sudut?? Kenapakah mereka tidak berkata bahawa sunnah Khalifah Ali AS adalah virus masyarakat, bahaya kepada masyarakat, mengancam keselamatan Negara, meyeleweng dari ajaran Ahli Sunnah Wal-Jama'ah? Atau mereka berkata bahawa sunnah Khalifah Ali mesti dihapuskan di Malaysia? Mereka cuba menyembunyikan dari masyarakat umum bahawa sunnah Khalifah Ali diharamkan atas nama ajaran Syiah kerana mereka

### **Sunnah Khalifah Ali AS diharamkan atas nama ajaran Syiah di Malaysia**

mahu mematuhi sunnah Khalifah Abu Bakar, sunnah Khalifah Umar dan sunnah Khalifah Uthman yang menyalahi al-Qur'an dan sunnah Nabi SAW atas alasan ijtihad. Justeru, golongan yang anti Syiah adalah golongan yang berniat jahat bagi memusnahkan Islam sejati dan akhirnya mereka bersama musuh-musuh Islam tanpa disedari seperti IS dan ISIS. Justeru, Sunni dan Syiah Melayu Islam Malaysia wajib bersatu padu di semua peringkat di bawah Perlembagaan Persekutuan. Justeru, pengharaman Syiah adalah menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1), 3 (4), 4 (1), 5 (1), 6 (1), 8 (1), 9 (1), 10 (1), 11 (1-3), 12 (1), 13 (1) dan 74 (3). Justeru pengharaman Syiah hendaklah dibatalkan. Jika tidak, Perlembagaan Persekutuan adalah "*subordinate*" kepada Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Oleh Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia.